

**IMPAK TERHADAP FENOMENA  
PENGULANGAN PENYALAHGUNAAN DADAH  
DARI PERSPEKTIF ORANG YANG DIPAROL:  
KAJIAN KES DI PULAU PINANG**

**oleh**

**MOHAMAD FAUZI BIN ABDUL LATIB**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**Julai 2016**

## PENGHARGAAN

Syukur yang tidak terhingga kepada Allah SWT, kerana diberikan kekuatan dan kesihatan dalam menyiapkan tesis ini. Hanya Engkaulah Yang Maha Mengerti pahit manis perjalanan seorang pelajar dan jua hambaMu ini.

Setinggi-tinggi penghargaan serta jutaan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan khas buat penyelia utama saya yang juga merupakan Dekan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, USM, Profesor Dr. Azlinda Azman yang telah banyak memberi tunjuk ajar, berkongsi kepakaran, menyumbangkan idea-idea yang bernas serta bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Segala ilmu yang telah dicurahkannya tidak terbalas dengan wang ringgit.

Tidak lupa juga sekalung penghargaan buat Profesor Madya Dr. Zulkarnain Ahmad Hatta, Dr. Mohd Affandy Yusof, Encik Abdul Aziz Razak, Puan Norhasliza Mohd Ilias serta semua pensyarah bahagian Kerja Sosial, USM di atas sokongan moral mereka.

Ribuan terima kasih turut diucapkan kepada Dato' Sri Hj. Zulkifli Omar, Ketua Pengarah Jabatan Penjara Malaysia kerana memberi keizinan untuk kajian ini dijalankan. Setinggi penghargaan buat TKPj Tuan Abdul Aziz Muhamad, Pengarah Bahagian Parol dan Perkhidmatan Komuniti, Jabatan Penjara Malaysia, PP Teyun Thian Eim, Pengarah Parol Negeri Pulau Pinang dan ketua pegawai parol Pejabat Parol Daerah Seberang Perai Selatan dan Pejabat Parol Daerah Seberang Perai Utara atas kerjasama terbaik yang diberikan. Jua kepada semua responden, tiada kata yang lebih baik dapat diucapkan selain terima kasih atas kesudian berkongsi pengalaman yang amat bernilai.

Terima kasih yang tidak terucap buat isteri tercinta Fauzana Binti Zaik yang sentiasa setia menyokong, membakar semangat dan banyak berkorban demi melihat tesis ini siap terbuku. Kepada ba; Abdul Latib Bin Mohd Ali dan arwah mama; Asma Binti Osman, terima kasih yang tak terhingga kerana mendidik anakmu ini daripada kecil sehingga dewasa. Dan tidak lupa juga buat adinda; Mohd Fadhli Bin Abdul Latib, terima kasih di atas segala bantuan yang diberikan selama ini. Buat seluruh keluarga mertua terutama abah dan ma, terima kasih atas doa yang sentiasa diiringkan.

Akhirnya, buat semua putera-puteraku, Muhammad dan Abdullah, moga kejayaan ba ini menjadi inspirasi buat kalian.

## ISI KANDUNGAN

Penghargaan.....	ii
Susunan Kandungan.....	iv
Senarai Jadual.....	ix
Senarai Rajah.....	xii
Senarai Singkatan.....	xiii
Abstrak.....	xiv
Abstract.....	xvi

### BAB 1 – PENGENALAN

1.1	Pendahuluan.....	1
1.2	Senario Penyalahgunaan Dadah Di Malaysia.....	2
1.3	Pernyataan Masalah.....	5
1.4	Persoalan Kajian.....	13
1.5	Objektif Kajian.....	13
1.6	Kepentingan Kajian.....	14
	1.6.1 Kajian Akademik.....	14
	1.6.2 Dasar Perkhidmatan Sosial.....	15
	1.6.3 Praktis Kerja Sosial.....	15
1.7	Skop Kajian.....	16
1.8	Susunan Bab Kajian.....	17

### BAB 2 – ULASAN KARYA

2.1	Pendahuluan.....	19
2.2	Dadah.....	19
	2.2.1 Sejarah Dadah.....	19
	2.2.2 Situasi Penyalahgunaan Dadah Di Malaysia.....	21
	2.2.3 Kesan Penyalahgunaan Dadah.....	29
	2.2.3.1 Kesan Penyalahgunaan Dadah Kepada Diri.....	29

2.2.3.2	Kesan Penyalahgunaan Dadah Kepada Keluarga.....	33
2.2.3.3	Kesan Penyalahgunaan Dadah Kepada Negara.....	34
2.3	Cabaran Berhenti Dari Mengambil Dadah Semula.....	36
2.3.1	Cabaran Dalam Individu.....	37
2.3.2	Cabaran Luaran Individu.....	44
2.4	Jabatan Penjara Malaysia.....	57
2.4.1	Sejarah.....	57
2.4.2	Visi, Misi, Objektif Dan Piagam Pelanggan.....	60
2.4.3	Undang-Undang Dan Akta.....	61
2.4.4	Statistik Banduan.....	63
2.4.5	Program-Program Pemulihan.....	64
2.5	Sistem Parol.....	68
2.5.1	Pendahuluan.....	68
2.5.2	Perlaksanaan Sistem Parol Di Malaysia.....	71
2.5.3	Statistik Banduan Yang Terlibat Dalam Sistem Parol.....	76
2.5.4	Kelebihan Dan Kelemahan Perlaksanaan Sistem Parol.....	77

### **BAB 3 – KERANGKA TEORITIKAL**

3.1	Pengenalan.....	86
3.2	Teori-Teori.....	86
3.2.1	Teori Sistem.....	86
3.2.2	Teori Perspektif Ekologikal.....	90
3.2.3	Teori Tingkah laku.....	92
3.2.4	Model Perubatan.....	94
3.2.5	Model Penyakit.....	95
3.3	Kerangka Konseptual Kajian.....	97
3.4	Definisi Konseptual Dan Operasional.....	101
3.4.1	Pengguna Dadah.....	101
3.4.2	Dadah.....	101
3.4.3	Penyalahgunaan Dadah.....	102
3.4.4	Pengulangan Penyalahgunaan Dadah.....	102
3.4.5	Bentuk-Bentuk Pengambilan Dadah.....	103

3.4.6	Banduan.....	104
3.4.7	Penjara.....	104

## **BAB 4 – METODOLOGI KAJIAN**

4.1	Pengenalan.....	106
4.2	Reka Bentuk Kajian.....	106
4.3	Persampelan.....	107
4.3.1	Populasi.....	107
4.3.2	Rasional Pemilihan Populasi Kajian.....	107
4.3.3	Sampel.....	108
4.3.4	Kriteria Pemilihan Sampel.....	110
4.4	Instrumen Kajian.....	111
4.5	Prosedur Pengumpulan Data.....	112
4.5.1	Sumber Data.....	112
4.5.2	Pungutan Data Primer.....	113
4.5.3	Tempoh Pengumpulan Data.....	115
4.5.4	Panduan Temubual.....	116
4.6	Pengrekodan Data.....	117
4.7	Prosedur Penganalisaan Data.....	117
4.8	Etika Rintis.....	118
4.9	Hasil Kajian Rintis.....	120
4.10	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Data.....	122
4.11	Etika Penyelidikan.....	123
4.12	Rumusan.....	125

## **BAB 5 – HASIL KAJIAN**

5.1	Pendahuluan.....	126
5.2	Sosio-Demografi Responden.....	126
5.2.1	Responden 1.....	127
5.2.2	Responden 2.....	129

5.2.3	Responden 3 .....	131
5.2.4	Responden 4 .....	133
5.2.5	Responden 5 .....	135
5.2.6	Responden 6 .....	137
5.2.7	Responden 7 .....	139
5.2.8	Responden 8 .....	141
5.2.9	Responden 9 .....	143
5.2.10	Responden 10 .....	145
5.2.11	Responden 11 .....	147
5.2.12	Responden 12 .....	149
5.2.13	Responden 13 .....	151
5.3	Hasil Penemuan Kajian .....	153
5.3.1	Objektif Kajian 1: Cabaran Yang Dihadapi Oleh Orang Yang Diparol Untuk Berhenti Dari Mengambil Dadah Semula Selepas Tamat Menjalani Hukuman Penjara Sebelum Mengikuti Sistem Parol .....	153
5.3.2	Objektif Kajian 2: Pemahaman Orang Yang Diparol Terhadap Sistem Parol Serta Aktiviti Yang Diikuti Dalam Sistem Parol .....	165
5.3.3	Objektif Kajian 3: Kesan Aktiviti Yang Diikuti Oleh Orang Yang Diparol Dalam Mengelakkan Diri Dari Pengambilan Semula Dadah Selama Mengikuti Sistem Parol .....	185
5.3.4	Objektif Kajian 4: Pandangan Orang Yang Diparol Tentang Kelebihan Dan Kekurangan Sistem Parol .....	198
5.3.5	Objektif Kajian 5: Cadangan Penambahbaikan Sistem Parol Sedia Ada Menurut Pandangan Orang Yang Diparol .....	212

## **BAB 6 – PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN**

6.1	Pendahuluan .....	225
6.2	Perbincangan Hasil Penemuan Kajian .....	225
6.2.1	Cabaran Yang Dihadapi Oleh Orang Yang Diparol Untuk Berhenti Dari Mengambil Dadah Semula Selepas Tamat	

Menjalani Hukuman Penjara Sebelum Mengikuti Sistem Parol.....	225
6.2.2 Pemahaman Orang Yang Diparol Terhadap Sistem Parol Serta Aktiviti Yang Diikuti Dalam Sistem Parol.....	239
6.2.3 Kesan Aktiviti Yang Diikuti Oleh Orang Yang Diparol Dalam Mengelakkan Diri Dari Pengambilan Semula Dadah Selama Mengikuti Sistem Parol.....	247
6.2.4 Pandangan Orang Yang Diparol Tentang Kelebihan Dan Kekurangan Sistem Parol.....	251
6.2.5 Cadangan Penambahbaikan Sistem Parol Sedia Ada Menurut Pandangan Orang Yang Diparol.....	265
6.3 Cadangan Model Intervensi Dan Perkhidmatan Kerja Sosial Yang Relevan Kepada Orang Yang Diparol Ke arah Meningkatkan Kefungsian Sosial Dan Kesejahteraan Hidup.....	268
6.3.1 Program Kaunseling.....	270
6.3.1.1 Kaunseling Individu Untuk Orang Yang Diparol.....	270
6.3.1.2 Kaunseling Kumpulan Untuk Orang Yang Diparol Dan Ahli Keluarga.....	274
6.3.2 Program Bantuan Ekonomi.....	280
6.3.3 Pengurangan Diskriminasi Dan Stigma Masyarakat.....	282
6.3.4 Aktiviti Temuseru.....	285
6.4 Implikasi Kajian.....	287
6.4.1 Implikasi Terhadap Dasar Sosial.....	287
6.4.2 Implikasi Terhadap Praktis Kerja Sosial.....	289
6.4.3 Implikasi Terhadap Pendidikan Kerja Sosial.....	293
6.5 Limitasi Kajian.....	295
6.6 Cadangan Kajian Lanjutan.....	298
6.7 Kesimpulan.....	298
<b>RUJUKAN.....</b>	<b>302</b>
<b>LAMPIRAN</b>	

## SENARAI JADUAL

		<b>Halaman</b>
Jadual 1.1	Perbandingan Pengguna Dadah Yang Dikesan Bagi Tujuh Tahun Dari 2005 Sehingga 2011	6
Jadual 1.2	Jumlah Banduan Di Penjara Mengikut Kesalahan Dadah Berulang Dari Tahun 2000 – 2010	7
Jadual 1.3	Statistik Bilangan Banduan yang Terlibat Dalam Sistem Parol Di Penjara Mengikut Jantina dan Kesalahan Dadah dari Tahun 2007 sehingga 2010	10
Jadual 2.1	Perbandingan Pengguna Dadah Yang Dikesan Bagi Bulan Januari Sehingga Disember 2011 Dan 2010	22
Jadual 2.2	Perbandingan Pengguna Dadah Yang Dikesan Mengikut Negeri Bagi Tempoh Januari-Disember 2011 Dan 2010	23
Jadual 2.3	Bilangan Pengguna Dadah Baru Dan Pengguna Dadah Berulang Tertinggi Mengikut Negeri Bagi Bulan Januari- Disember 2011	25
Jadual 2.4	Perbandingan Pengguna Dadah Yang Dikesan Mengikut Jantina Bagi Januari – Disember 2011	26
Jadual 2.5	Perbandingan Pengguna Dadah Yang Dikesan Mengikut Etnik Bagi Januari – Disember 2011	27
Jadual 2.6	Perbandingan Pengguna Dadah Yang Dikesan Mengikut Umur Bagi Januari-Disember 2011	28
Jadual 2.7	Jumlah Banduan Di Penjara Mengikut Jantina Bagi Setiap Negeri Dari Tahun 2008 – 2010	63

Jadual 2.8	Jumlah Banduan Di Penjara Mengikut Kesalahan Dadah Berulang Dari Tahun 2000 – 2010	64
Jadual 2.9	Statistik Bilangan Banduan Yang Terlibat Dalam Sistem Parol Dipenjara Mengikut Jantina Dan Kesalahan Dadah Dari Tahun 2007 Sehingga 2010	77
Jadual 5.1	Cabaran Yang Dihadapi Oleh Pengguna Dadah Untuk Berhenti Dari Mengambil Dadah Semula Selepas Tamat Menjalani Hukuman	150
Jadual 5.2	Pemahaman Orang Yang Diparol Mengenai Sistem Parol	165
Jadual 5.3	Sumber Pengetahuan Orang Yang Diparol Mengenai Sistem Parol	167
Jadual 5.4	Aktiviti Yang Dilaksanakan Di Dalam Sistem Parol	169
Jadual 5.5	Aktiviti Yang Membantu Orang Yang Diparol Mengelakkan Diri Dari Pengambilan Semula Dadah Selama Mengikuti Sistem Parol	182
Jadual 5.6	Kesan Aktiviti Yang Membantu Orang Yang Diparol Mengelakkan Diri Dari Pengambilan Semula Dadah Selama Mengikuti Sistem Parol	184
Jadual 5.7	Kelebihan Sistem Parol Menurut Orang Yang Diparol	197
Jadual 5.8	Kekurangan Sistem Parol Menurut Orang Yang Diparol	199

Jadual 5.9	Cadangan Penambahbaikan Oleh Orang Yang Diparol Terhadap Sistem Parol	205
Jadual 5.10	Rumusan Keseluruhan Hasil Kajian	207

## SENARAI RAJAH

		<b>Halaman</b>
Rajah 2.1	Taburan Pengguna Dadah Di Semua Negeri Bagi Bulan Januari Hingga Bulan Disember 2011	22
Rajah 3.1	Rangka Konseptual Kajian	94
Rajah 6.1	Model Intervensi Dan Perkhidmatan Kerja Sosial Yang Relevan Kepada Orang Yang Diparol Ke Arah Meningkatkan Kefungsian Sosial Dan Kesejahteraan Hidup	273

## SENARAI SINGKATAN

AADK	Agensi Anti Dadah Kebangsaan
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPM	Jabatan Penjara Malaysia
KDN	Kementerian Dalam Negeri
NGO	Non Government Organisation
ODP	Orang Yang Diparol
PEMADAM	Persatuan Pencegahan Dadah Malaysia
PKAADK	Pusat Khidmat Agensi Anti Dadah Kebangsaan
PUSPEN	Pusat Pemulihan Penyalahgunaan Narkotik
USM	Universiti Sains Malaysia

**IMPAK TERHADAP FENOMENA PENGULANGAN PENYALAHGUNAAN  
DADAH DARI PERSPEKTIF ORANG YANG DIPAROL: KAJIAN KES DI  
PULAU PINANG**

**ABSTRAK**

Secara umumnya, kajian kualitatif berbentuk kajian kes ini bertujuan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan dan sokongan yang terdapat di dalam program sistem parol serta mengurangkan fenomena pengulangan penyalahgunaan dadah dalam kalangan banduan di seluruh negara. Objektif utama kajian ini adalah (1) mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh orang yang diparol untuk berhenti dari mengambil dadah semula selepas tamat menjalani hukuman penjara sebelum mengikuti sistem parol; (2) mengenal pasti pemahaman orang yang diparol terhadap sistem parol serta aktiviti yang diikuti; (3), mengkaji kesan dari aktiviti yang diikuti oleh orang yang diparol; (4) menganalisis pandangan orang yang diparol tentang kelebihan dan kekurangan sistem parol; dan (5) mengenal pasti cadangan penambahbaikan oleh orang yang diparol terhadap sistem parol. Kajian ini telah dijalankan di dua buah Pejabat Parol Daerah Negeri Pulau Pinang iaitu Pejabat Parol Daerah Seberang Perai Selatan dan Pejabat Parol Daerah Seberang Perai Utara dengan melibatkan temu bual mendalam terhadap 13 orang responden. Hasil kajian yang dianalisis secara manual dengan menggunakan analisis tematik mendapati dua faktor utama yang menjadi cabaran kepada orang yang diparol untuk berhenti dari mengambil dadah semula banyak berkait rapat dengan cabaran dalaman dan luaran individu. Kajian juga mendapati bahawa pemahaman orang yang diparol yang sedang mengikuti sistem parol adalah jelas dan selari dengan apa yang telah digariskan oleh

pihak Jabatan Penjara Malaysia. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa aktiviti yang diikuti dalam sistem parol memberikan kesan positif dalam mengelakkan diri responden daripada jatuh semula mengambil dadah selama mengikuti sistem parol. Hasil kajian turut mendapati empat kebaikan utama sistem parol yang meliputi orang yang diparol dibebaskan lebih awal dari menjalani hukuman di dalam penjara; orang yang diparol tidak kembali mengambil dadah; orang yang diparol memperoleh pekerjaan; dan mendisplinkan orang yang diparol melalui peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan. Manakala empat kekurangan sistem parol pula melibatkan tempoh masa orang yang diparol dibenarkan berada di luar rumah tidak mencukupi; orang yang diparol tidak dibenarkan keluar dari daerah parol; pilihan tempat kerja yang terhad; dan kurangnya aktiviti riadah dan kemasyarakatan. Akhir sekali, hasil kajian ini telah mencungkil cadangan penambahbaikan daripada orang yang diparol sendiri berkaitan sistem parol sedia ada. Antara cadangan utama adalah dengan memperbanyakkan lagi penubuhan pusat-pusat parol daerah; perpanjangan tempoh orang yang diparol dibenarkan berada di luar rumah; dan perbanyakkan lagi peluang pekerjaan. Kajian ini turut membincangkan kajian yang boleh dilakukan di masa hadapan.

# **IMPACT ON THE DRUG RECIDIVISM PHENOMENON FROM THE PAROLEE'S PERSPECTIVES: CASE STUDY IN PENANG**

## **ABSTRACT**

In general, this qualitative research using case study aimed at improving quality of service and support available in the parole system and to reduce the phenomenon of recidivism of drug abuse among prisoners in the country. The primary objectives of this study is to (1) identify the challenges faced by parolee to stop taking drugs after completing his prison sentence before following parole; (2) identify the understanding of the parolee of parole system and the activities that they followed; (3) examine the effects of activity that the parolee followed; (4) analyze parolee's opinion on the advantages and disadvantages of the parole system; and (5) identify recommendations for improvement by the parolee on the parole system. The study was carried out in two parole offices in the state of Penang which were the Seberang Perai Selatan District Parole Office and Seberang Perai Utara District Parole Office, involving in-depth interviews with 13 respondents. The study findings were analyzed manually using thematic analysis and have identified two major factors that pose the challenges to parolee to stop reuse drugs which mainly related to the individual's internal and external challenges. Study findings also found that parolee's understanding about the parole system were clear and consistent with what has been outlined by the Prison Department. It was also found that activities followed by the parolee in the parole system gave positive effect in preventing the parolees from reuse of drugs. The study also found that there were four advantages to parole system, which include parolee be able to experience early release from serving a sentence in jail; parolee did not re-

abuse drugs; parolee secured employment; and disciplining the parolee through the rules and laws that have been established. On the other hand, four limitations of the parole system include inadequate parolee time period allowed outside the house; parolee is not allowed to leave the parole district; limited employment options and the lack of recreational and community activities. Finally, the study was able to identify some of the recommendations for improvement by the parolee on the existing parole system. The primary suggestions include the need to expand the establishment of parole centers at the district level; extend parolee time period allowed outside their home; and expand employment opportunities. The study also discuss on the possibility for future research.

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.1 Pendahuluan

Gejala penyalahgunaan dadah sebenarnya bukanlah masalah yang baru, tetapi masalah ini sudah pun wujud berkurun – kurun lamanya. Sungguhpun begitu, masalah ini mula mendapat perhatian umum di negara kita mulai tahun 60-an (Mohamed Ibrahim, 2004). Masalah ini seterusnya menjadi topik masalah negara setelah beberapa cara untuk mengatasinya menemui jalan buntu. Masyarakat seolah – olah dikejutkan daripada mimpi ngeri yang menakutkan dan keadaan ini ditambah pula dengan ketidakupayaan untuk membentaras gejala tersebut daripada terus merebak. Salah satu sebab timbulnya keadaan ini disebabkan adanya semacam pembaharuan dalam penyalahgunaan dadah di Malaysia (Maznah, Choo & Hoo, 1992).

Perkara ini dapat dilihat dari sudut sejarah penyalahgunaan dadah itu sendiri. Jika sebelum tahun 60-an, penyalahgunaan dadah cuma tertumpu kepada golongan tua dan kebanyakannya di kalangan kaum Tionghoa, tetapi bermula pada tahun 1960, kelihatan terdapat perubahan di kalangan penagih dadah baik dari segi umur mahupun etnik. Apa yang diperhatikan ialah lebih ramai golongan muda yang menjadi penagih dan kebanyakannya pula di kalangan orang Melayu (Maznah et al., 1992). Penglibatan ramai pemuda Melayu dalam masalah ini telah menimbulkan berbagai-bagai kesan psikologi yang antara lain mendorong orang Melayu merenung dan mengkaji faktor-faktor yang mungkin mendorong begitu ramai pemuda-pemudi Melayu terjebak dalam gejala sosial ini dan seterusnya mencari jalan penyelesaian

yang paling berkesan untuk membanteras gejala ini dari terus menular di kalangan masyarakat.

Masyarakat menganggap mereka sudah tahu dalam hal–ehwal dadah ini dan oleh itu semacam sudah tidak mahu tahu lagi akan petaka dan durjana dadah. Masyarakat seolah – olah tidak menyedari bahawa setakat tahu sahaja tetapi tidak cuba mempraktikkan pengetahuan mereka itu untuk mencegah gejala dadah ini adalah sesuatu yang sia–sia. Inilah yang berlaku sekarang dan inilah hakikat yang mesti kita terima. Pelbagai usaha telah dijalankan oleh kerajaan untuk menghalang daripada menularnya wabak tersebut. Namun segala usaha tersebut akan menjadi sia-sia dan gagal tanpa kerjasama dan dorongan yang mantap daripada segenap lapisan masyarakat.

## **1.2 Senario Penyalahgunaan Dadah Di Malaysia**

Penyalahgunaan dadah di Malaysia bukanlah satu perkara baru. Penyalahgunaan dadah membawa kesan yang amat buruk dan dahsyat. Kegiatan penyalahgunaan dadah boleh menjejaskan kesihatan diri, memporak-perandakan keharmonian keluarga, merosakkan nilai-nilai tradisi masyarakat yang baik dan seterusnya boleh mengancam keselamatan negara (Yin, Zainudin & Lee Hong, 2007). Kemudaratanya bukan sahaja terhadap individu yang terlibat tetapi membawa impak yang buruk kepada masyarakat, bangsa dan negara. Kesan dan akibatnya juga akan menjangkiti kepada pelbagai aspek kehidupan yakni ekonomi, politik, sosial, budaya, agama, keamanan dan ketahanan nasional negara (Mohamed Ibrahim, 2004).

Masalah penyalahgunaan dadah di Malaysia telah wujud sejak abad ke-19 lagi. Ianya bermula dengan masalah ketagihan candu terutamanya dalam kalangan

buruh pendatang dari negara China (Maznah et al., 1992). Fenomena penyalahgunaan dadah ini kemudiannya berubah kepada penyalahgunaan jenis 'heroin' dan bahan-bahan psikotropik yang lain bermula tahun 1980-an sehingga kini. Pihak kerajaan mula memberikan penekanan kepada penyalahgunaan dadah jenis 'heroin' ini kerana kemunculan tingkah laku jenayah, ketagihan, sub-sub budaya yang negatif dan aktiviti seks bebas yang kian menular (Mahamood, 1990). Ekoran daripada masalah ini, pihak kerajaan telah menggubal Dasar Dadah Negara dan ianya telah diluluskan pada 11 Jun 1996. Tujuan penggubalan Dasar Dadah Negara adalah untuk menghapuskan bekalandan permintaan dadah yang akhirnya dapat menjadikan Malaysia sebuah negara yang bebas dari belenggu dadah.

Dalam merealisasikan misi Dasar Dadah Negara, pelbagai pihak samada pihak kerajaan mahupun badan-badan bukan kerajaan telah bersama-sama berganding bahu dalam menangani permasalahan penyalahgunaan dadah. Antara pihak yang terlibat adalah Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Kesihatan, Jabatan Kastam, Kementerian Belia Dan Sukan, Jabatan Agama Islam Negeri, Bahagian Keselamatan Dalam Negara, Jabatan Perdana Menteri, Unit Pencegahan Penyeludupan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Penerangan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Persatuan Pencegahan Dadah Malaysia (PEMADAM), PENGASIH dan Jabatan Penjara Malaysia.

Pelbagai program telah dirangka dan dilaksanakan oleh pihak kerajaan dengan kerjasama agensi-agensi yang terlibat bagi menangani masalah penyalahgunaan dadah di Malaysia. Antaranya Program Komuniti Terapeutik yang dilaksanakan di pusat-pusat serenti seluruh negara pada masa kini, pemulihan di luar institusi seperti Program Terapi Gantian Methadone yang dilaksanakan di klinik-

klินิก kesihatan terpilih seluruh negara, program pengawasan oleh Pusat Khidmat Agensi Anti Dadah Kebangsaan (PKAADK), kelompok sokong bantu oleh badan-badan sukarelawan, kempen-kempen pencegahan penyalahgunaan dadah oleh Kementerian Penerangan, Kementerian Pendidikan serta Kementerian Kesihatan Malaysia, Program Pelan Pembangunan Insan dan Sistem Parol oleh Jabatan Penjara Malaysia dan lain-lain program pemulihan oleh badan-badan bukan kerajaan (Mahmood, Ismail, Noor Azniza & Muhamad Dzahir, 2005).

Program pemulihan dan rawatan dadah yang dijalankan di penjara-penjara seluruh Malaysia yang kini sejumlah 27 buah penjara adalah bertujuan untuk memulihkan banduan-banduan yang dikenakan hukuman penjara akibat dari penyalahgunaan dadah. Pelbagai program dan pendekatan telah dilaksanakan oleh Jabatan Penjara Malaysia bagi membantu banduan-banduan yang terjebak dengan penyalahgunaan dadah keluar daripada belunggu penyalahgunaan dadah dan tidak kembali menagih semula selepas tamat menjalani hukuman penjara. Di antara program pemulihan yang dijalankan di penjara-penjara seluruh negara ialah Sistem Parol, Program Pelan Pembangunan Insan, Pendekatan Komuniti Terapeutik, Latihan Vokasional dan Kaunseling (Jabatan Penjara Malaysia, 2012).

Dari perangkaan yang telah dikeluarkan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) pada tahun 1980, di dapati bahawa bilangan pengguna dadah yang telah dikesan dari tahun 1970 sehingga 1980 adalah sebanyak 55,240 orang (Taib, 2005). Bilangan ini semakin meningkat dari setahun ke setahun. Dari data yang telah dikeluarkan oleh pihak Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) pada tahun 2006 turut menunjukkan bahawa data pengguna dadah di Malaysia dari tahun 1988 sehingga 2005 memperlihatkan peningkatan sehingga mencatatkan seramai 289,763 orang pengguna dadah (Taib, 2005).

Menurut Laporan Tahunan Dadah 2011, penagih dadah yang dikesan di negara kita adalah seramai 11,194 orang di sepanjang bulan Januari hingga Disember 2011 (AADK, 2011). Berbanding tahun 2010, jumlah penagih yang dikesan pada tahun 2010 adalah jauh lebih ramai iaitu sejumlah 23,642 orang. Manakala perbandingan perangkaan yang dibuat di 14 buah negeri di Malaysia bagi tahun 2011 mencatatkan Perak mempunyai bilangan penagih yang paling ramai dikesan iaitu sejumlah 1,964 orang (17.55%), kemudiannya Negeri Pulau Pinang yang merekodkan sebanyak 1,743 orang dan diikuti oleh Negeri Selangor sebanyak 1,431 orang. Negeri Melaka pulamencatatkan peningkatan peratusan paling banyak iaitu sebanyak 123.86% dari tahun 2010 sehingga 2011. Peningkatan tersebut adalah daripada 176 kes pada tahun 2010 kepada 394 kes pada 2011 (AADK, 2011).

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Perangkaan yang telah dikeluarkan oleh pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) menunjukkan bahawa dari jumlah pengguna dadah yang dikesan pada tahun 1983, 31.8% terdiri daripada mereka yang berada di dalam lingkungan umur 20 hingga 29 tahun (Lajis, 2004). Pada tahun 2005 sahaja, 35.3% daripada jumlah keseluruhan bilangan pengguna dadah yang telah dilaporkan adalah di kalangan mereka yang berusia di antara 20 hingga 29 tahun (Yin et al., 2007). Manakala menurut Laporan Dadah 2011 oleh pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan menunjukkan bahawa perangkaan majoriti penagih yang dikesan sepanjang Januari-Disember 2011 adalah belia iaitu seramai 8,513 orang (76.54%) (AADK, 2011).

Belia yang berumur antara 19-24 tahun mencatatkan bilangan penagih teramai iaitu 2,841 orang (25.54%). Manakala bagi golongan dewasa, sebanyak 2,134 orang (19.19%) dan remaja seramai 461 orang (4.14%) (AADK, 2011).

Statistik ini jelas menunjukkan berlakunya peningkatan penglibatan golongan belia di dalam isu penyalahgunaan dadah. Dengan perangkaan yang diperlihatkan ini, nyatalah bahawa golongan yang sedang menghadapi risiko yang tinggi dalam penyalahgunaan dadah adalah pemuda-pemudi yang menjadi harapan nusa dan bangsa.

Bilangan pengguna dadah keseluruhan bagi tahun 2011 sahaja adalah seramai 11,194 orang. Dari bilangan ini seramai 6,956 orang (62.14%) adalah terdiri daripada pengguna dadah baru manakala seramai 4,238 orang (37.86%) orang adalah pengguna dadah berulang (Jadual 1.1). Secara puratanya, sepanjang tempoh dari bulan Januari sehingga bulan Disember 2011, seramai 12 penagih berulang dan 19 penagih baru telah dikesan setiap hari. Dari segi jantina, kebanyakan pengguna dadah baru adalah lelaki iaitu seramai 11,002 orang penagih lelaki dikesan dalam tempoh Januari-Disember 2011 iaitu sebanyak 0.11% daripada jumlah unjuran penduduk lelaki di negara ini yang berusia 15 tahun sehingga 64 tahun (9,949,600 orang) dan wanita pula seramai 192 orang (AADK, 2011).

Jadual 1.1

*Perbandingan Pengguna Dadah Yang Dikesan Bagi Tujuh Tahun (2005-2011)*

<b>Status Kes</b>	<b>2005</b>	<b>2006</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>
Pengguna Dadah Baru	15,389	10,381	6,679	5,039	7,123	17,238	6,956
Pengguna Dadah Berulang	17,419	12,430	7,810	6,413	8,613	6,404	4,238
<b>Jumlah Pengguna Dadah</b>	<b>32,808</b>	<b>22,811</b>	<b>14,489</b>	<b>12,352</b>	<b>15,736</b>	<b>23,642</b>	<b>11,194</b>

*Sumber: Laporan Dadah 2011, AADK.*

Manakala statistik yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Penjara Malaysia pada tahun 2011 berkaitan dengan bilangan banduan yang dipenjarakan kerana kesalahan penyalahgunaan dadah yang berulang menunjukkan bahawa berlakunya

peningkatan bilangan banduan yang dipenjarakan kerana kesalahan tersebut setiap tahun bermula dari tahun 2000 sehingga 2010. Secara keseluruhan, jumlah banduan yang dipenjarakan kerana kesalahan penyalahgunaan dadah berulang dari tahun 2000 sehingga 2010 adalah seramai 102251. Dari segi jantina pula, bilangan banduan lelaki adalah lebih tinggi berbanding dengan bilangan banduan wanita bagi setiap tahun (Jadual 1.2).

Jadual 1.2

*Jumlah Banduan Di Penjara Mengikut Kesalahan Dadah Berulang Dari Tahun 2000  
2010*

Tahun	Jantina		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	
2000	2773	188	2961
2001	4103	88	4191
2002	6557	157	6714
2003	7422	179	7601
2004	9292	228	9520
2005	10839	258	11097
2006	9862	236	10098
2007	10037	268	10305
2008	10653	268	10921
2009	13708	406	14114
2010	17005	543	17548
<b>JUMLAH</b>	<b>102251</b>	<b>2819</b>	<b>105070</b>

*Sumber: Jabatan Penjara Malaysia, 2011.*

Keadaan ini sangat membimbangkan kerana antara fungsi atau peranan utama penubuhan Jabatan Penjara Malaysia ialah melaksanakan program – program pemulihan kepada banduan selama mereka menjalani hukuman penjara. Hal ini termasuklah bagi banduan-banduan yang dipenjarakan kerana kesalahan penyalahgunaan dadah berulang. Bahkan terdapat satu seksyen khas yang dikenali sebagai Seksyen Rawatan, Pemulihan Dadah dan Kesihatan Am yang berperanan untuk melaksanakan pelbagai program, aktiviti serta strategi dalam memulihkan

banduan yang terlibat dengan kesalahan penyalahgunaan dadah (Jabatan Penjara Malaysia, 2012).

Antara program pemulihan yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Penjara Malaysia bagi memulihkan kembali kefungsi sosial banduan yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah adalah Pendekatan Pemulihan Bersepadu dan Pemulihan Komuniti Terapi atau 'Therapeutic Community' (TC) (Jabatan Penjara Malaysia, 2012). Kedua-dua program tersebut telah lama dilaksanakan dan masih lagi dilaksanakan sehingga ke hari ini bagi tujuan untuk memulihkan banduan yang terlibat dengan kesalahan penyalahgunaan dadah. Akan tetapi, berdasarkan statistik yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Penjara Malaysia bilangan banduan yang dipenjarakan bagi kesalahan penyalahgunaan dadah berulang adalah tinggi setiap tahun malahan meningkat dari setahun ke setahun.

Persoalannya, kenapakah bilangan banduan yang terlibat dengan kesalahan penyalahgunaan dadah berulang tetap tinggi setiap tahun? Apakah bentuk program pemulihan yang dijalankan di Penjara yang ada di seluruh negara ini kurang berkesan? Apakah yang telah dilakukan oleh pihak tertentu yang bertugas di Penjara? Atau mungkinkah seseorang yang telah menjadi pengguna dadah tidak akan dapat berhenti dari menggunakan dadah seumur hidupnya?

Melihat akan situasi peningkatan kes pengulangan penyalahgunaan dadah di Malaysia secara am dan peningkatan bilangan banduan yang dipenjarakan kerana kesalahan penyalahgunaan dadah berulang, maka Jabatan Penjara Malaysia telah memperkenalkan satu sistem yang bertujuan untuk menangani permasalahan pengulangan penyalahgunaan dadah dalam kalangan banduan-banduan di seluruh Malaysia. Sistem tersebut dikenali sebagai Sistem Parol. Sistem Parol mula

dikuatkuasa pada 30 Jun 2008 (Kementerian Dalam Negeri, 2010). Sistem Parol kini telah beroperasi di 14 buah Pusat Parol di seluruh negara.

Sistem Parol adalah satu kaedah yang membolehkan banduan dilepaskan dari tahanan penjara dengan bersyarat sebelum tamat tempoh hukuman yang disabitkan oleh mahkamah kerana berkelakuan baik (Latessa dan Smith, 2011). Akan tetapi banduan yang mengikuti sistem parol perlulah melibatkan diri dalam kerja-kerja amal yang berfaedah di luar penjara dengan pengawasan dan penyeliaan pegawai parol. Objektif utama pelaksanaan sistem parol di penjara adalah untuk memulihkan banduan dalam komuniti dan mewujudkan kerjasama antara penjara dengan komuniti bagi memulihkan banduan. Sistem ini secara langsung mewujudkan jaringan dan kerjasama secara bijak antara masyarakat dan penjara di dalam proses pemulihan banduan (Mohamad, 2011).

Dikatakan melalui perlaksanaan sistem parol, akan dapat mempercepatkan lagi proses pemulihan dan penyesuaian banduan dengan ahli masyarakat agar mereka merasa lebih bertanggungjawab terhadap diri mereka sendiri, keluarga, masyarakat dan seterusnya terhadap negara setelah dibebaskan. Ia juga akan membentuk sahsiah banduan ke arah yang lebih positif, pemikiran mereka akan diasah dan mereka akan didedahkan dengan realiti sebenar kehidupan di luar penjara yang dinamik serta mampu membina semula keyakinan diri, lebih bermotivasi dan tekad berusaha memperbaiki kehidupan seharian di dalam masyarakat (Mohamad, 2007).

Sejak sistem parol mula dilaksanakan bermula 30 Jun 2008 sehingga Disember 2010, dengan jumlah keseluruhan banduan yang terlibat dalam pelaksanaan sistem tersebut yang dipenjarakan kerana kesalahan pengulangan penyalahgunaan dadah adalah seramai 861 orang banduan (Jadual 1.3). Daripada

861 orang banduan, seramai 842 orang adalah banduan lelaki dan hanya 19 orang sahaja banduan wanita.

Jadual 1.3

*Statistik Bilangan Banduan yang Terlibat Dalam Sistem Parol di Penjara Mengikut Jantina dan Kesalahan Dadah dari Tahun 2007 sehingga 2010*

Negeri	Tahun / Jantina					Jumlah
	2007 Lelaki	2008 Lelaki	2009 Lelaki	2010 Lelaki	2010 Wanita	
Johor			8	41		49
Kedah			8	90		98
Kelantan			1	15	3	19
Negeri Sembilan	3	3	13	385		404
Pahang				38		38
Perak		4	6	110		120
Pulau Pinang				3		3
Sabah				60	2	62
Sarawak			3	19		22
Selangor			7	21	14	42
Terengganu				4		4
<b>Jumlah</b>	<b>3</b>	<b>7</b>	<b>46</b>	<b>786</b>	<b>19</b>	<b>861</b>

*Sumber: Jabatan Penjara Malaysia.*

Melalui pelaksanaan sistem parol ini, pihak Jabatan Penjara Malaysia mensasarkan bilangan pengguna dadah berulang yang menjalani hukuman penjara akan berkurangan dari setahun ke setahun. Pihak Jabatan Penjara Malaysia juga berharap dengan pelaksanaan sistem parol ini program pemulihan yang terkandung dalam sistem parol ini mampu memulihkan banduan-banduan yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan seterusnya mampu meneruskan kehidupan di tengah-tengah masyarakat setelah dibebaskan.

Akan tetapi, sehingga kini masih belum terdapat sebarang kajian yang dilaksanakan bagi menganalisis sejauh mana keberkesanan sistem parol yang telah dilaksanakan sejak 4 tahun yang lepas ke atas banduan yang terlibat dalam

perlaksanaan sistem tersebut. Masih belum ada sebarang kajian yang dilaksanakan bagi mengkaji corak perkhidmatan, peranan dan sokongan yang disediakan melalui sistem parol kepada banduan serta cabaran-cabaran yang perlu ditempuhi oleh banduan dalam mengikuti sistem parol. Maklumat yang ada hanyalah berkaitan kejayaan banduan-banduan menamatkan tempoh parol yang dilalui dan kejayaan banduan tidak lagi mengulangi kesalahan lampau mereka setelah tamat menjalani sistem parol.

Antaranya adalah kenyataan akhbar pada 25 Februari 2012 oleh Pengarah Parol Negeri Pulau Pinang, Jamalludin Bin Hassan, yang mana menyebut bahawa sebanyak 97 peratus daripada 274 bekas banduan yang mengikuti program parol di Pulau Pinang sejak tahun 2008 didapati tidak lagi mengulangi kesilapan lampau mereka. Beliau juga menyatakan bahawa, hasil daripada proses pemantauan pegawai parol terhadap bekas banduan yang telah menjalani program parol mendapati hampir kesemua mereka telah dapat hidup berdikari, mempunyai pekerjaan dan kembali diterima ke pangkuan masyarakat (Jamalludin, 2012).

Menurut Pengarah Parol Penjara Negeri Sarawak, Wallace Nawan pula, seramai 208 orang banduan telah dibebaskan melalui sistem parol sejak sistem parol mula diperkenalkan di Negeri Sarawak pada tahun 2008. Jumlah tersebut adalah sebahagian daripada 210 orang banduan yang menyertai sistem parol di Sarawak. Menurut beliau lagi, kejayaan 28 orang banduan tersebut merupakan satu kejayaan yang maksimum bagi pihak parol Negeri Sarawak dan juga Jabatan Penjara Negeri Sarawak (Nick, 2011).

Diharapkan kajian ini dapat meneliti dengan lebih mendalam persoalan-persoalan berkaitan impak perlaksanaan sistem parol terhadap isu penyalahgunaan dadah berulang di kalangan banduan. Kajian ini akan hanya menfokus kepada isu

pengguna dadah berulang sahaja. Segala maklumat berkaitan sistem parol dan impak pelaksanaan sistem tersebut terhadap pengurangan kes-kes pengulangan penyalahgunaan dadah di kalangan banduan akan cuba dicungkil oleh pengkaji. Kajian ini akan cuba meninjau perkhidmatan dan sokongan yang disediakan melalui sistem parol kepada banduan serta peranan yang dimainkan oleh sistem parol dalam mengurangkan jumlah banduan dari terlibat semula dalam penyalahgunaan dadah. Ini adalah untuk melihat sama ada perkhidmatan dan sokongan yang diberikan bersesuaian ataupun tidak dengan permasalahan yang dihadapi oleh banduan dan adakah perkhidmatan dan sokongan tersebut mencukupi.

Seterusnya, kajian ini akan cuba mencungkil segala permasalahan, rintangan dan cabaran yang ditempuhi oleh banduan semasa mengikuti sistem parol. Hal ini kerana dengan maklumat tersebut, pihak Jabatan Penjara Malaysia dapat memperbaiki dan menambahkan lagi mutu perkhidmatan yang terdapat dalam sistem parol. Selain itu, kajian juga akan cuba melihat dengan lebih mendalam pandangan banduan tentang keberkesanan sistem parol setelah terlibat dengannya dan cadangan untuk mempertingkatkan lagi keberkesanan sistem parol dalam usaha untuk mengurangkan kes-kes pengulangan penyalahgunaan dadah dalam kalangan banduan. Melalui kajian yang dilaksanakan ini, dengan bersandarkan kepada semua maklumat yang diperolehi daripada banduan yang mengikuti sistem parol, mutu perkhidmatan dan sokongan yang terdapat di dalam sistem parol akan dapat dipertingkatkan dan seterusnya mengurangkan fenomena pengulangan penyalahgunaan dadah di kalangan banduan di seluruh negara.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Berdasarkan latarbelakang pernyataan masalah kajian ini, berikut adalah persoalan kajian:

1. Apakah cabaran yang dihadapi oleh ODP untuk berhenti dari mengambil dadah semula selepas tamat menjalani hukuman penjara sebelum mengikuti sistem parol?
2. Apakah pemahaman ODP terhadap sistem parol serta apakah aktiviti yang diikuti dalam sistem parol?
3. Apakah kesan dari aktiviti yang diikuti oleh ODP dalam mengelakkan diri dari pengambilan semula dadah selama mengikuti sistem parol?
4. Sejauh manakah pandangan ODP tentang kelebihan dan kekurangan sistem parol?
5. Apakah cadangan penambahbaikan oleh ODP terhadap sistem parol sedia ada?

#### **1.5 Objektif Kajian**

Antara objektif yang ingin dicapai oleh pengkaji di dalam kajian ini adalah:

1. Mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh ODP untuk berhenti dari mengambil dadah semula selepas tamat menjalani hukuman penjara sebelum mengikuti sistem parol.
2. Mengenal pasti pemahaman ODP terhadap sistem parol serta aktiviti yang diikuti dalam sistem parol.
3. Mengkaji kesan dari aktiviti yang diikuti oleh ODP dalam mengelakkan diri dari pengambilan semula dadah selama mengikuti sistem parol.

4. Menganalisis pandangan ODP tentang kelebihan dan kekurangan sistem parol.
5. Mencadangkan penambahbaikan sistem parol sedia ada menurut pandangan ODP.
6. Mencadangkan model intervensi dan perkhidmatan kerja sosial yang relevan untuk dilaksanakan di dalam sistem parol bagi meningkatkan kefungasian sosial dan kesejahteraan hidup ODP.

## **1.6 Kepentingan Kajian**

### **1.6.1 Kajian Akademik**

Jika dilihat dari sejarah pelaksanaan sistem parol di kebanyakan negara yang telah lama mengamalkannya, Malaysia kini telah mengorak langkah kearah melaksanakan pendekatan sistem parol terhadap banduan-banduan yang terlibat dengan fenomena pengulangan penyalahgunaan dadah pada 30 Jun 2008. Memandangkan Malaysia baru saja menjalankan sistem parol maka kajian terhadapnya masih kurang dilakukan. Justeru itu, kajian ini merupakan antara kajian terawal yang dilakukan untuk melihat sejauh mana penerimaan banduan terhadap sistem parol serta keberkesanan sistem parol dalam mengurangkan jumlah banduan yang kembali menyalahgunakan dadah setelah selesai menjalani hukuman penjara. Penerimaan banduan terhadap sistem parol ini serta keberkesanannya dalam menangani fenomena pengulangan penyalahgunaan dadah adalah sangat penting kerana tanpa penerimaan banduan terhadap sistem ini serta keberkesanannya, maka ia akan menjadi satu usaha yang sia-sia.

### **1.6.2 Dasar Perkhidmatan Sosial**

Adalah diharapkan bahawa kajian yang dilaksanakan ini dapat menyumbang kepada perkembangan Sistem Parol pada masa akan datang agar ia dapat mencapai matlamat untuk mengubah tingkah laku banduan dan seterusnya menjadi perisai kepada banduan yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah dari terlibat semula menyalahgunakan dadah setelah tamat menjalani hukuman penjara. Kajian ini juga dapat menyumbang kepada pemahaman Jabatan Penjara Malaysia terhadap kehendak dan keperluan banduan dalam merangka sesuatu program pemulihan agar program pemulihan tersebut mampu memberikan impak yang sangat besar dalam pemulihan banduan-banduan di seluruh negara.

Kajian ini juga diharapkan dapat memberikan kesedaran kepada ahli masyarakat berkaitan dengan komuniti banduan dan kepentingan penglibatan ahli masyarakat dalam pelaksanaan sistem parol agar sistem tersebut benar-benar mampu memberikan kekuatan kepada para banduan dalam menghadapi isu penyalahgunaan dadah semula. Dengan kesedaran dan penglibatan ahli masyarakat dalam sistem parol ini, secara tidak langsung ianya dapat mengubah stigma dan diskriminasi masyarakat terhadap golongan 'bekas-bekas banduan' yang sering dicop sebagai penjenayah walaupun setelah keluar dari penjara.

### **1.6.3 Praktis Kerja Sosial**

Secara praktisnya, melalui kajian ini pengkaji mengharapkan agar ianya menjadi panduan serta rujukan dalam merangka strategi intervensi yang bersesuaian kepada mereka-mereka yang terlibat secara langsung dengan profesion pertolongan seperti ahli psikologi, kaunselor, pekerja sosial, dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang terlibat dengan golongan banduan dan pengguna dadah. Dengan

memahami keperluan dan kehendak banduan yang mengikuti sesuatu program pemulihan dadah. kajian ini juga banyak memberikan faedah kepada bidang kerja sosial terutamanya bagi pekerja sosial khususnya dalam masalah pergantungan terhadap alkohol dan bahan kimia (*alcohol and chemical dependency*), klinikal, kerja sosial awam, mahupun badan-badan sukarela yang memberi perkhidmatan kepada golongan banduan.

### **1.7 Skop Kajian**

Kajian yang dilaksanakan ini merupakan sebuah kajian yang berbentuk eksploratori dan bukannya sebuah kajian yang berbentuk perbandingan di antara sesebuah kumpulan tertentu. Jadi pengkaji tidak melibatkan perbandingan antara banduan yang mengikuti program sistem parol dengan banduan yang tidak mengikuti program sistem parol. Hal ini kerana pengkaji ingin mengetahui pandangan banduan yang mengikuti program sistem parol mengenai sistem tersebut. Pengkaji menetapkan hanya memberi tumpuan kepada banduan yang mengikuti program sistem parol kerana sistem parol ini masih baru dilaksanakan di Malaysia.

Kajian ini hanya melibatkan sekumpulan kecil responden yang dipilih dari Pusat Parol Pulau Pinang. Walaupun begitu, memandangkan ianya adalah bersifat kajian yang mendalam terhadap responden-responden, diharapkan kajian ini dapat menggambarkan asas kepada keseluruhan komuniti banduan di Malaysia yang mengulang kembali tabiat penyalahgunaan dadah setelah keluar dari program-program pemulihan di penjara.

## 1.8 Susunan Bab Kajian

Secara keseluruhannya, penulisan ini terdiri daripada 6 bab. Dalam Bab Satu ia membincangkan pengenalan kepada kajian ini. Di dalam pengenalan ini, diberikan penjelasan berkaitan permasalahan kajian yang dilakukan, objektif, soalan kajian, kepentingan kajian serta skop kajian.

Bab Dua pula memfokuskan kepada ulasan karya. Dalam bab ini, pengkaji membuat penelitian ke atas jurnal akademik, buku, kertas kerja dan laporan berkaitan isu pengulangan penyalahgunaan dadah dan sistem parol. Terdapat empat perkara yang dibincangkan dalam bab ini iaitu senario pengulangan penyalahgunaan dadah di Malaysia yang memuatkan statistik-statistik yang berkaitan, maklumat berkaitan Jabatan Penjara Malaysia, sejarah sistem parol, pelaksanaan sistem parol di Malaysia dan kajian-kajian berkaitan kelebihan dan kekurangan sistem parol.

Manakala dalam Bab Tiga pula, pengkaji menjelaskan dengan lebih jelas konsep-konsep dan perkataan yang digunakan dalam kajian ini. Turut dimuatkan juga teori-teori yang menjadi dasar kepada pembentukan rangka konseptual kajian ini iaitu Teori Sistem, Teori Perspektif Ekologikal, Teori Tingkah laku, Model Perubatan dan Model Penyakit.

Bab Empat pula mengandungi penerangan berkaitan dengan rekabentuk kajian ini. Bahagian ini merangkumi definisi istilah yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan, tatacara pemilihan responden, kaedah pungutan data serta penganalisan data. Kaedah temubual mendalam merupakan pungutan data primer dalam kajian ini. Kaedah ini berdasarkan kepada protokol temubual yang relevan dengan objektif kajian. Isu etika kajian dan kualiti pengkaji turut ditekankan dalam bab ini dan diakhiri dengan definisi beberapa istilah penting dalam kajian ini.

Di dalam Bab Lima pula, hasil penemuan kajian dibentangkan secara terperinci. Oleh kerana kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini, maka hasil pembentangan mestilah dibuat secara merentas kes (*cross-case*) dengan mengikut skop yang telah digariskan. Bagi memaparkan gambaran yang lebih terperinci, pengkaji juga membentangkan hasil kajian dalam bentuk ulasan, jadual dan petikan hasil temubual yang telah dilakukan dengan responden kajian.

Bab Enam adalah bab terakhir dalam tesis ini yang memfokuskan kepada perbincangan hasil kajian, rumusan, implikasi dan cadangan kajian. Perbincangan hasil kajian berdasarkan persoalan kajian serta objektif kajian yang telah ditetapkan dan mengaitkannya dengan aspek-aspek teoritikal dan kajian terdahulu. Hanya tema-tema utama yang muncul bagi setiap objektif kajian dibentangkan. Kemudian, pengkaji menarik perbincangan kepada implikasi hasil kajian meliputi implikasi terhadap praktis kerja sosial, dasar sosial dan pendidikan kerja sosial. Seterusnya cadangan kepada kajian yang akan datang turut dikemukakan. Akhirnya, rumusan terhadap keseluruhan kajian dikemukakan di dalam bab terakhir ini.

## **BAB 2**

### **ULASAN KARYA**

#### **2.1 Pendahuluan**

Ulasan karya adalah satu penulisan berstruktur yang merumuskan secara berhemah karya-karya yang ada kaitan dengan sesuatu bidang kajian. Bab ini membincangkan ulasan karya berdasarkan kajian-kajian dahulu dan bahan bacaan yang diterbitkan tentang konsep-konsep yang digunapakai dalam mengkaji impak pelaksanaan sistem parol ke atas fenomena pengulangan penyalahgunaan dadah di kalangan banduan.

Tumpuan penulisan bab ini adalah berkaitan dengan beberapa aspek penting iaitu sejarah dadah, situasi penyalahgunaan dadah di Malaysia, kesan buruk dadah kepada diri, masyarakat dan negara, cabaran yang dihadapi untuk berhenti dari mengambil dadah semula, Jabatan Penjara Malaysia, struktur pentadbiran, undang-undang dan akta, statistik banduan, program-program pemulihan, sejarah awal sistem parol dan pelaksanaan sistem parol di Malaysia.

#### **2.2 Dadah**

##### **2.2.1 Sejarah Dadah**

Perkataan dadah atau 'drug' berasal daripada bahasa Jerman '*droge vate*' yang bermaksud hampas atau kulit kering. Mengikut takrifan Kementerian Pendidikan Malaysiadadah bermaksud apa-apa bentuk bahan yang dimasukkan ke dalam tubuh dengan tujuan menyelidik atau merawat (Mohamed Ibrahim, 2004). Manakala istilah 'dadah berbahaya' pula membawa maksud bahan-bahan yang

dimasukkan ke dalam tubuh samada melalui mulut, menghidu atau menyuntik yang mengubah keadaan psikologi dan kesedaran manusia.

Menurut Aslie (1990), dadah adalah bahan kimia yang dapat mengubah perasaan, daya persepsi, fikiran dan tindakan yang waras. Ia merupakan bahan sama ada dalam bentuk asli ataupun tiruan (*synthethics*) yang berupaya mengubah struktur fungsi badan manusia. Akta Dadah Berbahaya 1952 pula menjelaskan bahawa dadah merbahaya bermaksud sebarang dadah atau bahan (*substance*) yang termasuk dalam Jadual Pertama Akta tersebut iaitu candu mentah, daun koka, jerami popi, ganja, candu masak, resin bagi ganja dan bahan-bahan di mana resin tersebut merupakan besnya, asetorfin, asetilmenthadol, alfentanil, allilprodin dan sebagainya.

Sehingga ke hari ini, masih belum diketahui secara tepat bilakah sebenarnya dadah mula disalahgunakan. Tetapi yang nyata, penyalahgunaan dadah telah lama wujud sejak beribu tahun dahulu (Mohamad, 2011). Menurut Datuk Dr. M. Mahadevan, perunding psikiatri, manusia mula mengenal dan menggunakan ganja yang juga dikenali dengan nama-nama seperti marijuana, hashish dan lain-lain sejak 5,000 tahun dahulu. Candu juga telah mula digunakan oleh rakyat yang mendiami bumi Iraq sejak 5,000 tahun lalu.

Dadah kini wujud bukan sahaja di Malaysia, malahan di seluruh dunia. Jika diimbaz kembali, iaitu pada awal kurun ke-19 di 'United State of America' dadah digunakan secara sah bertujuan untuk perubatan. Dadah yang diperkenalkan pada ketika itu ialah dadah jenis opium sebagai ubat tahan sakit, ubat merawat batuk, senggugut, merawat ketidakselesaian akibat daripada sindrom menapaus dan ubat sakit gigi bagi kanak-kanak yang mana pada ketika itu banyak digunakan oleh wanita untuk tujuan perubatan. Kemudiannya dadah jenis opium diproses untuk menghasilkan dadah jenis morfin yang juga digunakan untuk tujuan perubatan yang

sama. Opium juga banyak digunakan oleh pekerja seks bagi tujuan keselesaan ketika menjalankan aktiviti pelacuran.

Sehingga pada pertengahan kurun ke-19, penekanan kepada salahguna dadah jenis opium atau 'heroin' dan morfin diberi perhatian kerana kemunculan masalah tingkah laku jenayah, ketagihan, sub-sub budaya yang negatif dan aktiviti seks secara rambang yang berleluasa. Selepas itu barulah dadah-dadah jenis lain muncul seperti dadah sintetik yang mula wujud pada tahun 1980-an setelah pelbagai usaha dijalankan oleh pihak kerajaan bagi menangani kesan-kesan yang timbul akibat daripada penyalahgunaan dadah (Brecher, 1972).

### **2.2.2 Situasi Penyalahgunaan Dadah Di Malaysia**

Menurut Laporan Dadah Agensi Anti Dadah Kebangsaan 2011, statistik penyalahgunaan dadah yang dikesan di seluruh negara dari bulan Januari sehingga bulan Disember 2011 memperlihatkan bahawa seramai 11,194 orang pengguna dadah telah dikesan. Hal ini menunjukkan penurunan sebanyak 52.65% jika dibandingkan dengan tempoh yang sama pada tahun lalu yang mencatatkan seramai 23,642 orang pengguna dadah (AADK, 2011).

Daripada 11,194 orang pengguna dadah yang dikesan, seramai 6,956 orang adalah pengguna dadah baru yang mewakili sebanyak 62.14%. Jumlah tersebut sebenarnya menunjukkan penurunan sebanyak 59.65% jika dibandingkan dengan jumlah pada tahun lalu iaitu sebanyak 17,238 orang pengguna dadah. Manakala jumlah pengguna dadah berulang yang direkodkan dari bulan Januari sehingga bulan Disember 2011 pula adalah seramai 4,238 orang. Perkara ini juga merupakan satu penurunan jika dibandingkan pada tahun 2010 yang mencatatkan bilangan pengguna dadah berulang seramai 6,404 orang. Secara puratanya, sepanjang tempoh dari bulan

Januari sehingga bulan Disember 2011 terdapat seramai 12 orang pengguna dadah berulang dan 19 orang pengguna dadah baru telah dikenal pasti setiap hari (Jadual 2.1 ).

Jadual 2.1

*Perbandingan Pengguna Dadah Yang Dikesan Bagi Bulan Januari Sehingga*

*Disember 2011 Dan 2010*


Status Kes	Jan – Dis 2011	%	Jan – Dis 2010	Perbezaan 2011/2010	Purata Jan – Dis 2011		
					Sebulan	Sehari	Sejam
Pengguna Dadah Baru	6,956	62.14%	17,238	-59.65%	580	19	1
Pengguna Dadah Berulang	4,238	37.86%	6,404	-33.82%	353	12	0
<b>Jumlah</b>	<b>11,194</b>	<b>100.00%</b>	<b>23,642</b>	<b>-52.65%</b>	<b>933</b>	<b>31</b>	<b>1</b>

*Sumber: Laporan Dadah Agensi Anti Dadah Kebangsaan 2011.*

Rajah 2.1

*Taburan Pengguna Dadah Di Semua Ibu Negeri Bagi Bulan Januari Sehingga Bulan*

*Disember 2011.*



*Sumber: Laporan Dadah Agensi Anti Dadah Kebangsaan 2011.*

Carta 2.1 di atas menunjukkan bilangan pengguna dadah yang telah dikesan di semua ibu negeri sepanjang bulan Januari sehingga bulan Disember 2011. Dari carta tersebut, Ipoh merupakan ibu negeri yang mencatatkan bilangan pengguna dadah tertinggi dikesan iaitu seramai 797 orang pengguna dadah. Ini diikuti oleh Kuala Lumpur yang mencatatkan bilangan kedua tertinggi iaitu seramai 767 orang pengguna dadah. Ibu negeri ketiga yang mencatatkan bilangan pengguna dadah tertinggi adalah Georgetown iaitu seramai 753 orang pengguna dadah. Ibu negeri yang mencatatkan bilangan pengguna dadah paling rendah dikesan adalah Kota Kinabalu iaitu seramai 17 orang pengguna dadah sahaja.

#### Jadual 2.2

*Perbandingan Pengguna Dadah Yang Dikesan Mengikut Negeri Bagi Tempoh Januari-Disember 2011 Dan 2010*

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Jan-Dis 2011</b>	<b>%</b>	<b>Jan-Dis 2010</b>	<b>Perbezaan 2011/2010 (%)</b>
1	Perak	1,964	17.55%	2,296	-14.46%
2	Pulau Pinang	1,743	15.57%	3,753	-53.56%
3	Selangor	1,431	12.78%	3,548	-59.67%
4	Kedah	1,386	12.38%	2,507	-44.71%
5	Johor	1,187	10.60%	2,091	-43.23%
6	WP Kuala Lumpur	767	6.85%	1,344	-42.93%
7	Pahang	701	6.26%	1,198	-41.49%
8	Negeri Sembilan	586	5.23%	921	-36.37%
9	Melaka	394	3.52%	176	123.86%
10	Kelantan	388	3.47%	2,360	-83.56%
11	Sarawak	267	2.39%	145	84.14%
12	Terengganu	187	1.67%	2,377	-92.13%
13	Perlis	105	0.94%	354	-70.34%
14	Sabah	73	0.65%	517	-85.88%
15	WP Putrajaya	12	0.11%	45	-73.33%
16	WP Labuan	3	0.03%	10	-70.00%
<b>JUMLAH</b>		<b>11,194</b>	<b>100.00%</b>	<b>23,642</b>	<b>-52.65%</b>

*Sumber: Laporan Dadah Agensi Anti Dadah Kebangsaan 2011*

Merujuk kepada Jadual 2.2 di atas, jelas menunjukkan bahawa Negeri Perak merupakan negeri yang mencatatkan bilangan pengguna dadah yang paling tinggi jika dibandingkan dengan kesemua negeri-negeri yang terdapat di dalam jadual tersebut iaitu seramai 1,964 orang pengguna dadah. Jumlah tersebut merupakan 17.55% daripada jumlah keseluruhan bilangan pengguna dadah yang ditangkap di seluruh negara dari bulan Januari sehingga bulan Disember 2011. Akan tetapi jika dibandingkan dengan tempoh yang sama pada tahun 2010, kelihatan berlakunya penurunan dalam bilangan pengguna dadah yang dikesan pada tahun 2011 sebanyak 14.46%.

Negeri kedua yang mencatatkan bilangan pengguna dadah tertinggi adalah Pulau Pinang yang mana merekodkan 1,743 orang pengguna dadah. Jumlah tersebut juga memperlihatkan penurunan jika dibandingkan dengan tahun 2010 bagi negeri tersebut. Seterusnya diikuti oleh Negeri Selangor yang merekodkan 1,431 orang pengguna dadah, Negeri Kedah seramai 1,386 orang pengguna dadah dan seterusnya sehingga kepada Wilayah Persekutuan Labuan yang mencatatkan bilangan pengguna dadah seramai 3 orang sahaja bagi tempoh dari bulan Januari sehingga bulan Disember. Di antara kesemua negeri-negeri yang terdapat di dalam jadual tersebut, Negeri Melaka menunjukkan peratusan peningkatan paling besar iaitu 123.86% pada tahun 2011 dibandingkan tahun 2010. Bilangan pengguna dadah yang dikesan bagi Negeri Melaka bagi tempoh dari bulan Januari sehingga bulan Disember 2011 ialah seramai 394 orang berbanding 176 orang pengguna dadah pada tahun 2010.

Jadual 2.3

*Bilangan Pengguna Dadah Baru Dan Pengguna Dadah Berulang Tertinggi*

*Mengikut Negeri Bagi Bulan Januari-Disember 2011*

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Jumlah Kes Baru Jan-Dis 2011</b>	<b>%</b>	<b>Jumlah Kes Berulang Jan-Dis 2011</b>	<b>%</b>	<b>Jumlah</b>
1	Perak	1,135	16.32%	829	19.56%	1,964
2	Pulau Pinang	698	10.03%	1,045	24.66%	1,743
3	Selangor	906	13.02%	525	12.39%	1,431
4	Kedah	1,005	14.45%	381	8.99%	1,386
5	Johor	872	12.54%	315	7.43%	1,187
6	Kuala Lumpur	309	4.44%	458	10.81%	767
7	Pahang	494	7.10%	207	4.88%	701
8	Negeri Sembillan	340	4.89%	246	5.80%	586
9	Melaka	301	4.33%	93	2.19%	394
10	Kelantan	339	4.87%	49	1.16%	388
11	Sarawak	252	3.62%	15	0.35%	267
12	Terengganu	148	2.13%	39	0.92%	187
13	Perlis	73	1.05%	32	0.76%	105
14	Sabah	72	1.04%	1	0.02%	73
15	WP Putrajaya	9	0.13%	3	0.07%	12
16	WP Labuan	3	0.04%	0	0.00%	3
<b>JUMLAH</b>		<b>6,956</b>	<b>100.00%</b>	<b>4,238</b>	<b>100.00%</b>	<b>11,194</b>

*Sumber: Laporan Dadah Agensi Anti Dadah Kebangsaan 2011.*

Merujuk kepada Jadual 2.3 di atas, sebanyak 6,956 orang pengguna dadah baru dan 4,238 orang pengguna dadah berulang telah dikesan sepanjang bulan Januari sehingga Disember 2011. Bilangan pengguna dadah baru paling tinggi dikesan di Negeri Perak iaitu seramai 1,135 orang yang mewakili 16.32% dan ini diikuti oleh Negeri Kedah seramai 1,005 orang pengguna dadah yang mewakili 14.45%. Bagi bilangan pengguna dadah berulang pula, Negeri Pulau Pinang merupakan negeri tertinggi merekodkan bilangan pengguna dadah berulang yang